LAMPIRAN A

# RIWAYAT HIDUP 'ABD AL GHANI AL NABULUSI.

---

**Nasab Dan Kelahirannya.**

Beliau adalah syeikh 'Abd al Ghani Ibn Isma'il Ibn Ahmad Ibn Ibrahim yang terkenal dengan panggilan Nabulusi al Hanafi al Damishqi al Naqshabandi al Qadiri.[1]

Terdapat percanggahan tentang tahun kelahirannya, ada yang mengatakan beliau lahir pada 5 Zulhijjah tahun 1058[2] Hijrah ada yang mengatakan beliau lahir pada tahun 1018[3] hijrah dan pendapat terakhir mengatakan bahawa beliau lahir pada tahun 1050[4] hijrah di Damshik.

Ketika beliau masih dalam kandungan ibunya, seorang alim iaitu sheikh Mahmud telah meramalkan yang beliau akan

---

1 'Abd Ghani al Nabulusi, Muqadimat Dhakna'ir al Mawarith, (Taheran: Intisharat 'Asma 'Iliyan, t.t.) h. ب

2 Abd Hayei Bin Abd Sukor, Takhrij al Hadith, (Kuala Lampur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, 1988) h. 86.

3 Khair al udin al Zirikli, Al 'Alam, J. 1 (Beirut: Dar al 'Ilm al Malayin, 1979) h. 316.

4 'Abd al Ghani al Nabulusi, Op. cit.

mempunyai masa depan yang gemilang dan meminta agar bayi itu nanti diberi nama 'Abd al Ghanī kerana ia akan diberi kemudahan oleh Allāh (s.w.t.)

Pembelajaran Beliau.

Beliau memulakan pembelajarannya diperingkat usia yang sangat muda dan berguru dengan beberapa orang ulama terkenal. Beliau memulakan pembelajaran awal dengan bimbingan ayahnya melalui pembacaan al Qur'ān yang kemudiannya diikuti dengan ilmu ilmu lain. Beliau kemudiannya dibimbing oleh syeikh 'Aḥmād al Khali al Ḥanafī dalam ilmu Fekah dan Usul Fekah. Beliau mempelajari ilmu nahu Ma'ni, Bayan dan Ṣaraf dari Syeikh Maḥmūd al Karādi, manakala ḥadīth dan Muṣṭalāḥ ḥadīth daripada Syeikh 'Abd al Baqī al Ḥanbalī. Beliau mempelajari tafsir dari syeikh Muḥammād al Maḥasini dan di sekolah al Salilimiyah beliau kemudiannya mendapat sijil am di bidang tafsir الدرس بالجامع الأموي yang dipelajarinya dari Mohammād Aḥmād al Istuni, Syeikh Ibrahīm Ibn Manṣūr al Fital, Sheikh 'Abd Qadīr Ibn Mustaffā al Sapuri al Shafe'ī, Syed Muḥammad Ibn Kamāl al ddīn al Husainī, Husnī Ibn Ḥamzah, Sheikh Kamāl al ddīn al Arādi al Jalbī, Sheikh Muhammād Ibn Barakat al Kūfi al Ghamnī, al Dimasqī dan lain lain lagi.[5]

---

[5] Ibid. h. ج

Beliau mempelajari tentang mazhab Qadariah dari Sheikh Sa'id 'Abd Razak al Hamuli al Kailami, manakala dari sheikh Sa'id al Bakhili dipelajari tentang mazhab Naksabandiyah.[6]

<u>Perubahan Sikap 'Abd al Ghani.</u>

Pembacaannya tentang sejarah kegigihan Sheikh Mahy al Din Abi 'Arabi dan tulisan tulisan ahli Tasawuf seperti Ibn Sab'in dan 'Afia al Tamlasani telah mengubah corak hidupnya, di mana beliau mula mendekati ilmu laduni.

Beliau kemudiannya menyusun rangkapan yang memuji Nabi Muhammad (s. a.w.) dan menjauhi sebahagian dari tegahannya. Beliau menyusun jadual kehidupan sehariannya ia itu dengan membaca الجامع الأثري di waktu pagi, membaca الجامع الصغير 40 hadith Nawawi dan buku أذكار selepas asar.

Diperingkat awal beliau mendapat cemuhan dari masyarakat kerana cara hidup beliau yang berlainan dengan masyarakat, di mana beliau telah berkurung selama 7 bulan di rumahnya dan membiarkan rambutnya panjang. Tomahan yang dilemparkan keatas beliau begitu hebat sehingga ada yang mengatakan beliau sudah

---

6 Ibid. h. ج

tidak mengerjakan sembahyang lima waktu lagi. Keadaan ini berterusan sehinggalah Allāh (s.w.t.) membersihkan tuduhan tersebut dan beliau dapat diterima semula oleh masyarakat dan menjadi tumpuan golongan masyarakat serta ilmunya tersebar di merata tempat.

## Pengembaraan al Nabulusi.

Al Nabulusi telah melakukan lawatan kebeberapa negara di mana setiap pengembaraan ini dicatatkan di dalam tulisan beliau. Beliau telah mengembara ke beberapa buah negara seperti Baghdad, Syria, Palestine, Miṣr, Lubnan dan Ḥijaz.[7]

Di peringkat awal beliau telah berpindah ke istana Khalifah pada tahun 1075 hijrah dab tinggal di sana selama beberapa waktu. Pada tahun 1100 H beliau menziarahi al Baqal dan Jalal Lubnan. Pada tahun 1101 beliau menziarahi al Qalus dan el Khali. Pada tahun 1105 beliau telah pergi ke Miṣr ia itu dari Thamat ke Hijaz.[8]

Pada tahun 1112 beliau pergi ke Tarablas Sham selama 40

---

7. 'Umar Rida, Mu'jam al Musnafi, (t.b.: Mu'assasat al Risalat, 1956) h. 277

8. 'Abd Ghani al Nabulusi, Op. cit. h.

hari. Beliau berpindah ke Damshik kemudian itu ke Dar Salaf dan ke Salihiyat pada tahun 1117 hijrah.[9]

Buku buku Karangan Beliau.

Beliau mula mengarang ketika berusia 20 tahun dan ditinggalkan karangan beliau berjumlah 200 buah, antaranya ialah Kitab Izalat Khafai an Huliyat Mustaffa, Rihlat Tarablis, Kanzu al Hak al Mubin Fi Hadith Saidul Mursalin, Dhakair al Mawarith, Kitab ahKam, Taratib Ziba, Unwan ayat dan lain lain.[10]

Kewafatan Beliau.

Al Nabulusi mempunyai usia yang panjang, di mana beliau meninggal dunia pada tahun 1143 di Damshik dalam usianya hampir 90 tahun.

---

[9] Ibid.

[10] Ibid.

LAMPIRAN B

## RIWAYAT HIDUP PERAWI PERAWI SUNAN SITTAH DAN MUWAṬṬA' IMAM MĀLIK.

---

Sunan Sittah adalah himpunan ḥadīth ḥadīth yang dikumpulkan dan dibukukan oleh enam orang ulama ḥadīth yang terkemuka dan diiktiraf tentang kewibawaan mereka.

Sunan sittah itu ialah :

a. Imam Bukhārī dengan kitabnya Ṣaḥīḥ Bukhārī.

b. Imam Muslim dengan kitabnya Ṣaḥīḥ Muslim

c. Imam Abī Dāwūd dengan kitabnya Sunan Abī Dāwūd.

d. Imam Tirmidhī dengan kitabnya Sunan Tirmidhī

e. Imam Nasā'ī dengan kitabnya Sunan Nasā'ī.

f. Imam Ibn Mājah dengan kitabnya Sunan Ibn Mājah.

g. Imam Mālik dengan kitabnya Muwaṭṭa'.

Oleh kerana terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama dalam menentukan kitab yang ke enam samada Sunan Ibn Mājah atau Muwaṭṭa' Imam Mālik, maka sebagai jalan tengah yang sebaik baiknya kedua dua ulama tersebut dimasukkan ke dalam bilangan ulama sunan sittah dalam kajian ini.

Urtuk mengenal lebih lanjut mengenai imam imam tersebut eloklah di mulai dengan riwayat hidup mereka berdasarkan susunan martabat mereka di bidang hadith.

a. Riwayat Hidup Imam Bukhari

Namanya ialah Imam Abū ʿAbd Allāh Muhammad Ibn Ismaʿīl Ibn Ibrahīm Ibn al Mughīrah Ibn Berdezbah al Jaʿfi Ibn Saʿīd al ʿAshīrah al Bukharī.[11]

Datuknya yang bernama Berdezbah adalah seorang mujusi, manakala datuknya yang bernama al Mughīrah merupakan perintis pertama memeluk Islam di kalangan keluarga mereka. Ada setengah pendapat pendapat mengatakan bahawa Berdezbah adalah seorang yang beragama Hanif.[12]

Imam Bukharī dilahirkan dalam keadaan buta pada hari Jumaat 13 Shawal 194 H. di bandar Bukharā Parsi, yang kemudiannya sempena bandar kelahirannya itu diletakkan pada hujung namanya dan nasabnya sehingga dikenali dengan nama

---

11 Ibrahīm Sauqī al Shahāwi, Mustalāh al Hadīth, (Kahirah: Tabaqat al Faniyat al Mutahidah, t.t.) h. 242.

12 Ihsān ʿAbbās, Wāfiyāt al aʿyān Wa anbāʾ abnāʾ al Zaman, J. iv (Beirut: Dār al Thakāfī, t.t.) h. 190

Bukhari.[13] Beliau dibesarkan oleh ibunya dalam keadaan yatim. Ibunya telah berdoa kepada Allah (s.w.t.) supaya dipulihkan penglihatan anaknya itu dan doa ibunya telah diperkenankan.[14]

Sifat sifat Terpuji Imam Bukhari.

Imam Bukhari adalah seorang yang warak, lembut, baik sifatnya dan amat halus perasaannya. Beliau sentiasa berpuas hati dengan bahagiannya dan perasaan zahirnya selalu tepat dengan perasaan batinnya.

Beliau juga seorang yang kuat beribadat, di bulan Ramadhan beliau membaca 20 ayat bagi setiap rakaat sembahyang seterusnya sehingga khatam sebuah al Qur'an. Di waktu sahur pula beliau membaca di antara ½ atau 1/3 dari al Qur'an di mana dengan ini beliau dapat mengkhatam sebuah al Qur'an dalam masa 3 malam. Beliau sembahyang sebanyak 30 rakaat bersama 1 witir di waktu sahur.[15]

---

13 Ibid.

14 Abi Syuhbah, A'lam al Muhadithin, (Misr: Markaz Kutub al Syarq Awsat, 1963) h. 108.

15 Al Baghdadi Abi Bakr, Ahmad Ibn 'Ali al Khatib, Tarikh Baghdad, (Beirut: Dar 'Arabi, t.t.) h. 12.

Dari segi pemakanan beliau adalah seorang yang terlalu sedikit makan. Beliau juga seorang yang amat pemurah terutama kepada murid muridnya dan amat merendah diri kepada orang ramai dalam setiap keadaan dan menganggap dirinya sebahagian dari mereka tanpa sebarang perbezaan atau kelebihan.

Beliau juga seorang yang amat teliti dalam pekerjaannya contohnya di masa beliau hendak menyusun kitab ṣaḥīḥnya, beliau mengambil masa selama 16 tahun untuk menyusun enam ribu ḥadīth[16] dan setiap kali beliau hendak menulis sebuah ḥadīth terlebih dahulu beliau mandi dan sembahyang sunat dua rakaat.[17] Beliau telah menyemak dan menapis kembali ḥadīth ḥadīth tersebut berulangkali sehingga akhirnya tinggal tujuh ribu seratus tujuh puluh lima ḥadīth saja.[18]

Beliau adalah seorang yang berpegang teguh pada prinsip dan disebabkan ilmu yang dibawanya menyebabkan beliau tidak mudah tunduk kepada sesiapapun kecuali Allah. Oleh itu

---

16 Ibn Qathifun al Qustantini Ibn ʿAbbas Aḥmad, Al Wafiyat, (Beirut: Dar ʾAfaqh al Jadidah, 1978) h. 180

17 Mohammad al Sibagh, Al Ḥadīth al Nabawī, (t. t., Mansyurat Al Maktabah al Islami, t.t.) h. 205.

18 ʿAli Yusuf ʿAli, Silsilah Ulama Hadith, terjemahan Sohair Abdel Monaeim Sery (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1989) h. [illegible]

belinu tidak pernah mengajar orang perseorangan melainkan secara terbuka sebagaimana semestinya seorang murid mengadap gurunya. Beliau pernah berkata:

> Saya tidak boleh mengkhaskan satu kaum supaya mendengar darinya kaum yang lain.

Kata kata beliau inilah menjadi salah satu sebab yang menyebabkan beliau dibuang negeri.

## Keistemewaan Bukhari.

Imam Bukhari mempunyai daya ingatan yang kuat. Ini terbukti dari riwayat Rasyid Isma'il yang menceritakan perihal Bukhari di masa kecil yang selalu mengikutinya dan kawan kawan ketempat pengajian di Bagrah, sedangkan belinu tidak tahu menulis. Selepas 16 hari beliau dan kawan kawannya menarahi Imam Bukhari, lalu Imam Bukhari meminta mereka membentangkan apa yang telah mereka tulis, lalu dibentangkanlah di hadapannya di mana ia melebihi 15 ribu hadith. Kemudian Bukhari membaca apa yang ada di ingatannya sehingga dapat dibetulkan kesalahan apa yang ditulis oleh Rasyid dan kawan kawannya.

---

[49] 'Abd Hamid Yunus dkk, Da'irat al Ma'arif al Islamiyah, (t.b. t.p., 1933) h. 426.

Dengan kekuatan daya ingatannya itu tidak hairanlah sekiranya beliau telah menghafal kesemua kitab kitab Ibn al Mubarak dan Wakiʿ semasa berumur 16 tahun, dan telah berupaya menyemak dan berbincang dengan para ulama di zamannya. Beliau juga telah menghafal ḥadīth semasa berumur 10 tahun.

Beliau juga berjaya melepasi ujian yang sangat berat yang dilakukan oleh para ulama ḥadīth Baghdad, di mana mereka telah memilih seratus buah ḥadīth yang diubah matan dan sanad semuanya sehingga menjadikan sanad sesuatu matan berada pada matan yang lain. Ḥadīth ḥadīth ini dibahagikan kepada 10 bahagian dan apabila dibaca setiap bahagian ḥadīth itu kepada Imam Bukhārī, beliau mengatakan beliau tidak mengetahui ḥadīth ḥadīth tersebut. Setelah selesai dibaca kesemua seratus buah ḥadīth tersebut, Imam Bukhārī pun membaca kembali kesemua ḥadīth ḥadīth tersebut dengan menyebut matan dan ḥadīth yang betul.

Imam Bukhārī telah diiktiraf keilmuannya, fiqh, zuhud dan lain lain. Malah para ulama menganggapnya sebagai seorang mujtahid, di mana beliau telah membahagikan matan matan ḥadīth kepada bab bab tertentu mengikut kesesuaiannya. Beliau juga memberi perhatian kepada ayat ayat aḥkam di mana beliau telah mentafsirkannya secara meluas.

## Pembelajaran Imam Bukhārī.

Imam Bukhārī mula belajar sejak dari kecil lagi ia itu ketika berusia 10 tahun, di mana beliau diberi kemudahan oleh Allāh (s.w.t.) dalam menghafal ḥadīth ḥadīth. Di masa usianya 16 tahun ia itu pada tahun 210 H. beliau telah mengembara ke Makkah bersama ibu dan abangnya untuk menunaikan fardu Haji, dan terus tinggal di sana untuk menuntut ilmu, manakala abang nya yang bernama 'Aḥmad pulang ke Bukhārā di mana beliau telah wafat di sana.[20][21]

Imam Bukhārī kemudiannya telah berpindah kebeberapa buah negeri seperti Shām, Miṣr, Basrah, Kufah dan Baghdad, di mana beliau telah mengambil ḥadīth dari para sheikh di setiap negeri yang dilawatinya. Beliau telah bertemu dengan seribu orang ulama ḥadīth, ada juga yang mengatakan beliau meriwayat kan dari 1080 orang Shaikh ḥadīth dan dapat mengumpulkan 600 ribu ḥadīth yang dipilih berdasarkan keṣaḥīḥannya. Ada juga yang berpendapat bahawa beliau meriwayatkan sebanyak 9082 hadi ḥadīth yang bukan sahih dan 2600 ḥadīth yang ṣaḥīḥ.

---

[20] Abu Shuhbah, Muḥammad Ibn 'Aḥmad, Op. cit. h. 108

[21] Ibn Ḥajar al 'Asqalānī, Kitab Hadyu as Sārī, J. [illegible] (Kahirah: al Bābī al Ḥalabī, 1383 H) h. 252.

Antara sheikh sheikh yang ditemuinya ialah 'Ubaidillāh Ibn Musa, Muḥammad Ibn 'Abd Allāh al Anṣari, Aḥmad Ibn Khalid al Wahibi, 'Abd Allāh Ibn Zayid al Nukri, Ibrahim Ibn Munzir al Jazami, Muḥammad Ibn Yusof al Farabi, 'Abd Allāh Ibn Mohammed al Musnadi, 'Alī Munzir Ḥassan Ibn Syaqiq, Yaḥyā Ibn Yaḥyā dan dan lain lain.[22]

Hadith hadith himpunan beliau kemudiannya diambil atau diriwayatkan oleh ulama sezaman dengannya yang pernah menjadi murid muridnya seperti Imam Muslim, Tirmidhi, Ṣaliḥ Ibn Mohd. al Asadi, Muḥammad Ibn 'Abd Allāh al Hadrami, Qasim Ibn Zakariyyā, 'Umair Ibn Moḥammad Ibn Bujair, Ḥusain Ibn Moḥammad al Qiyabi, 'Abd Allāh Ibn Najiat, Fadhl Ibn 'Abbas al Razi, Ḥusein Ibn Isma'īl al Muḥamili dan lain lain lagi.[23]

Penulisan penulisan Imam Bukhari.

Imam Bukhari telah menulis berbagai bagai buku yang kemudiannya tersebar ke seluruh pelusuk dunia dan memberi faedah besar kepada seluruh umat Islam. Antara karangan-karangan beliau ialah:

---

[22] Ibrahim Saukī al Shakwī, Op. cit. h. 205.

[23] Ibid.

1. Kitab al Tarikh yang ditulisnya berhampiran dengan pusara Rasulullah (s.'a.w.). Ia mempunyai dua jilid.
2. Kitab Du'afa yang terbahagi kepada dua jenis iaitu yang benar dan yang kecil.
3. Kitab kitab lain karangan beliau ialah al Jami' al Kabir, al Tafsir al Kabir, Raf'ul Yadaih Fi Solat, Birr al Walidain, al Hibbah, al Mabsut, al 'Ilal Wa Fawaid, al Qadaya, Jamik al Sahih, Khair Kalam Fi Qiraah Khalfa Imam, Khuluk al Afdl 'Ibad, Adab al Mufrad, Tanwir 'ain Biraf Yadain Fi Solat dan lain lain lagi.

**Kewafatannya.**

Keengganan Imam Bukhari untuk mengajar Amir Khalid Ibn muhammad al Zahli secara persendirian telah menimbulkan rasa mara baginda kepada beliau, lalu diusirnya Bukhari dari Bukhara. Ahli sejarah mengatakan di waktu itu juga timbul fitnah yang memburukkan nama Beliau dari orang orang yang iri hati dengan tuduhan bahawa Imam Bukhari mengatakan bahawa al Qur'an itu makhluk. Dalam hal yang demikian penduduk daerah Samarkhand telah menulis surat kepada beliau meminta agar beliau berhijrah ke tempat mereka.

Dalam pada itu beliau mendapat khabar bahawa penduduk di kawasan itu telah berpecah dua akibat fitnah yang menimpanya itu, satu pihak menerima kedatangannya manakala yang satu lagi menentang kedatangannya ke situ. Melihatkan keadaan ini Imam Bukharī berdoa kepada Allāh agar diambil nyawanya kerana dirasakan alam ini terlalu sempit.[24]

Tidak lama selepas itu beliau jatuh sakit. Kemudian datang lagi utusan dari Samarkhand meminta beliau ke sana dan permintaan ini dipersetujui oleh beliau. Beliaupun dipapah menuju ke kenderaan, setelah berjalan lebih kurang 20 langkah beliau meminta agar beliau dikembalikan kerumah saudaranya kerana beliau merasakan terlalu lemah. Sesampainya di sana beliau berdoa seketika, dan selepas itu beliau berbaring dan terus menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam keadaan berpeluh pada malam sabtu bersamaan dengan Shawal tahun 249H.[25] ia itu dikurun ke 3 hijrah selepas sembahyang Isyak ketika berumur 63 tahun.[26]

---

[24] Bukhari, Mohammad Ibn Isma'il, Muqaddimah S. Bukhari, (Istanbul: Dar Sha'b, 1936) h. 11

[25] Ihsan 'Abbas, Op. cit. h. 190

[26] Ibn 'Imad 'Abd Hami Ibn 'Imad al Hanbali, Shadharat al dhahab, (Kahirah: Maktabah al Qudsi, 1350 H.) h. 120

Beliau berpesan agar beliau dikafankan dengan 3 helai kain tidak termasuk baju dan pembalut kepala. Beliau dikebumikan selepas zuhur di hari Raya Fitri dan sejurus selepas itu terciumlah bau wangi dari tanah perkuburannnya di mana ia berterusan selama beberapa hari, juga kelihatan pagar putih di langit memanjang di kaki kubur beliau. Semoga Allāh terus mencucuri rahmat keatas roh ulama terkemuka ini.

b. Riwayat Hidup Imam Muslim.

Nasab Dan Kelahirannya.

Nama asalnya ialah Abu Husain Muslim Ibn Hajaj Ibn Muslim Ibn Warid Ibn Kusydh al Qusyairi al Naisaburi.[27] Beliau berketurunan dari bani Qusyairi.[28]

Terdapat percanggahan pendapat tentang tarikh kelahiran beliau, walaubagaimanapun para ulama bersetuju yang beliau dilahirkan selepas tahun 200 hijrah. Ada yang mengatakan beliau lahir pada tahun 206 hijrah, ada pula yang mengatakan beliau lahir pada tahun 204 hijrah. Walaubagaimanapun tarikh 206 hijrah adalah dianggap paling tepat kerana tarikh tersebut dicatat oleh Ibn Khalkan ia itu sejarawan yang paling hampir dengan zaman Imam Muslim. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat al Naisabury yang hidup pada kurun ke 4 hijrah ia itu di tahun 321- 405 hijrah.[29] Walaubagaimanapun yang nyata beliau lahir di zaman kegemilangan kerajaan Abbasi terutama di segi pengetahuan di mana telah melahirkan banyak ulama.

---

27 Ihsan 'Abbas, Op. cit. J. v. h. 194

28 Muhammad al Sibagh, Op. cit. h. 213.

29 Mahmud Fakhuri, Imam Muslim Ibn Hajaj, (Beirut: Dar al Islam 1979) h. 38.

## Sifat sifat Terpuji Imam Muslim.

Beliau adalah seorang yang suka merendah diri dan amat suka menonjolkan kebenaran walaupun melalui orang lain, oleh kerana itu beliau tidak teragak agak untuk menunjukkan kitab karangannya kepada para hafiz yang dipercayai untuk dinilai dan dikritik, sebagaimana beliau menunjukan kitab karangannya kepada Abi Zara'ah ar Razi.

Beliau juga seorang yang jujur dan menghargai masa di mana setiap masanya dihabiskan dengan jalan sebaik baiknya. Sebagaimana Imam Bukhari, Imam Muslim juga dikurniakan Allah dengan kekuatan daya ingatan dan mempunyai bakat yang mengkagumkan di bidang penulisan, ini dapat dilihat pada karangannya yang bertajuk al Jami' al Ṣaḥiḥ yang berbeza dari sudut susunan, aturan dengan lain lain buku sebelum dan selepasnya.

Walaupun beliau seorang yang lembut dan suka merendah diri tetapi beliau adalah seorang yang tetap pendirian dan tidak mudah dipengaruhi dengan hasutan orang lain, ini dapat dilihat di masa berlakunya fitnah ke atas Imam Bukhari yang menyebabkan orang ramai menjauhi beliau tetapi Imam Muslim tetap mengatakan bahawa itu adalah fitnah dari mereka yang dengki kepada beliau.

Pembelajaran Muslim.

Tidak dapat ditentukan bilakah bermulanya pembelajaran Imam Muslim, walaubagaimanapun sebagaimana umat Islam lain, beliau mula belajar al Qur'an dan menghafalnya sejak dari kecil lagi.

Beliau memulakan pembelajaran dari ayahnya al Hajaj diikuti dengan ulama ulama lain di Naisabur. Al Zahabi mengatakan Imam Muslim mula mempelajari hadith ketika berumur 12 tahun setelah selesai menghafal al Qur'an.[30]

Sebagaimana ulama ulama lain Imam Muslim turut mengembara dari satu negeri kenegeri yang lain untuk menuntut ilmu seperti Iraq, Hijaz Sham dan Misr,[31] di mana beliau telah bertemu dengan sejumlah besar ulama hadith. Di Khurasan beliau berjumpa dengan Ahmad Ibn Hanbal, Ishak Ibn Rahawiyah, Qutaybah Ibn Sa'id, Yahya Ibn Yahya al Naisaburi dan Bashir Ibn Hakam.[32]

Di Rayi beliau berguru dengan Muhammad Ibn Mihran al

---

30 Mahmud Fakhuri, Op. cit. h. 39.

31 Ibn Qathfadh al Qastantini Ibn Abbas Ahmad, Op. cit. h. 159.

32 Mahmud Fakhuri, Op. cit. h. 43.

Jamal, Ibrahim Ibn Musa al Faru dan Zunija. Manakala di Iraq ia itu di Baghdad, Kufah dan Basrah, beliau telah berguru pada Ahmad Ibn Hanbal, Ubaidillah al Qawariri, Khalaf Ibn Hisyam al Bazara, 'Abd Allah Ibn 'Aun al Khararazi, Sharij Ibn Yunus, Sa'id Ibn Muhammad al Harami, Abd Allah Ibn Muslimat al Qa'nibi, Aba al Rabi' al Zahrani, 'Umar Ibn Hafs Ibn Ghyath Aba Ghasan Malik Ibn Isma'il dan Ahmad Ibn 'Abd Allah Ibn Yunus. Di Sham pula beliau berguru dengan Muhammad Ibn Khalid al Saksaki dan Walid Ibn Muslim. Di Hijas iaitu di Madinat dan Makkah, beliau menuntut dengan Isma'il Ibn Abi Awis, Aba Mas'ab al Zuhri, Sa'id Ibn Mancur, Muhammad Ibn Yahya Ibn Yahya Ibn Abi' Amr dan 'Abd Jabar Ibn' Ila. Di Misr pula beliau belajar dari Mohammad Ibn Ramih, 'Isa Ibn Hamad, Harmalah Ibn Yahya dan lain lain.[33]

Beliau telah berulangkali ke Baghdad dan kali terakhir beliau kesana ialah pada tahun 257 hijrah. Beliau juga telah berguru dengan Imam Bukhari ketika Imam itu datang ke Naisabur pada tahun 250 hijrah, di mana akhirnya kedatangan beliau dan sambutan masyrakat terhadap majlis majlisnya telah menimbulkan rase iri hati di kalangan ulama ulama lain seperti Mohammad Ibn Yahya al Zuhli. Ini menyebabkan orang ramai menjauhi Imam

---

33 Ibrahim al Sauqi al Shahwi, *Op. cit.* h. 44

Bukhari kecuali Imam Muslim kerana beliau sedar ini adalah satu fitnah.

## Hadith Hadith Yang Dikumpalkan Oleh Muslim.

Terdapat perbezaan pendapat tentang jumlah hadith yang dikumpulkan oleh Imam Muslim. Ada yang berpendapat bahawa beliau mengumpulkan sebanyak 300,000 ribu hadith berdasarkan ucapannya bahawa beliau mengarang kitab hadith ia itu Sahih Muslim dari 300,000 hadith yang didengarinya, ada juga yang mengatakan bahawa beliau mengumpulkan sebanyak 7285 hadith.[34]

Hadith hadith riwayat beliau ini kemudiannya turut di riwayatkan oleh ulama ulama lain seperti Tirmidhi yang meriwayatkan sebuah hadith dari beliau, Yahya Ibn Sa'id, Mohammad Ibn Ishak Khuzimah, Muhammad Ibn Wahaba al Fara', 'Ali Ibn Husain, Makki Ibn Abdan, Abu Hamid Ahmad Ibn Mohd. al Sharki dan sudaranya 'Abd Allah, Hatim Ibn Ahmad al Kaidi, Husain Ibn Mohammad Ibn Ziyad al Qabani, Ibrahim Ibn Abi Talib dan lain lain.[35]

---

34 Abu Shuhbah Muhammad Ibn Muhammad, Op. cit, h. 194

35 Muslim, Abu Husyein Muslim Ibn Hajaj, Muqadimat S. Muslim, (Kahirah: Dar Kutub Arabiyah, 1955) h.

## Buku Buku Karangan Imam Muslīm.

Imam Muslīm telah mengarang banyak buku yang sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan ilmu ḥadīth, ada diantaranya dicetak, ada yang ditulis dengan tulisan tangan dan ada yang sampai kepada kita dan ada yang sampai kepada kita dengan nama orang lain.

Buku buku karangan beliau yang dicetak ialah Kitab Ṣaḥīḥ yang lebih dikenali dengan Ṣaḥīḥ Muslīm, yang mengandungi 3000 buah ḥadīth yang didengarnya dan disiapkannya dalam masa 15 tahun, selain dari itu Kitab Munfaradat Wa Wahdani, Ḍuʻafā as Saghīr dan Kitab Ḍuʻafā Wa al Matrukīn.

Buku buku tulisan tangan beliau ialah kitab al Kuni Wa asma', Tamyīz, Rijal ʻUrwat Ibn Zubair dan Kitab Ṭabaqāt.

Manakala buku buku beliau yang hilang antaranya ialah Kitab al Ifrād, Ifrād al Shamīn. al Iqrān, Awhām al Muḥadithīn al ʻIlal, Kitab al Tārikh, Manshuyukh Shuʻbah, Jāmiʻ al Kabīr, al Musnad al Kabir, Awlād al Ṣaḥābat Fi Man Baʻduhum Mina al Muḥadīthin, Manshuyūkh Malik Ibn Anas, Manshuyūkh al Thawri, Man laisa lahu illa Rawi dan lain lain.

Kewafatan Imam Muslim.

Sudah menjadi tabiat Imam Muslim menghafaz hadith sambil makan. Di suatu ketika beliau menghadiri satu majlis perbincangan, maka dibentangkan kepadanya sebuah hadith yang tidak diketahuinya. Lalu beliaupun kembali kerumahnya dan meminta agar beliau tidak diganggu, beliau juga meminta buah tamar, lalu dicarinya hadith tersebut sambil memakan tamar itu sehingga akhirnya habislah tamar itu dimakannya dan hadith itu diperolehinya. Al Hakim mengatakan beliau percaya bahawa kematiannya adalah disebabkan cara pemakanannya itu, dengan kata lain beliau menghadapi penyakit susah hadam makanan.[56]

Beliau meninggal dunia di Naisabur dan dikebumikan pada hari Isnin 25 Rejab tahun 261 H. Walaubagaimanapun terdapat percanggahan tentang umur beliau, ada yang berpendapat bahawa beliau berumur 60 tahun, ada yang mengatakan beliau berumur 75 tahun dan ada yang berpendapat beliau berumur 55 tahun dan pendapat terakhir ini dikira tepat.[57]

Begitu juga terdapat perselisihan tentang tempat beliau

---

56 Mahmud Fakhuri, Op. cit. h. 59.

57 Ihsan 'Abbas, Op. cit. h. [illegible].

dikebumikan, ada yang mengatakan bahawa beliau dikebumikan di Nasr 'Ibād, manakala al Zahabi mengatakan beliau dikebumikan di Yazar.[58]

---

[58] Mahmūd Fakhūri, Op. cit.

c. Riwayat Hidup Imam Abī Dāwud.

Nasab Dan Kelahirannya.

Beliau ialah Abū Dāwud Sulaymān Ibn ʿAsh ath Ibn Ishāk Ibn Bashir Ibn ʿAmru Ibn ʿUmran al Azdi al Sajistani.[38] Kalimat al azdi adalah dinisbahkan kepada kabilah Azdi ia itu satu kabilah yang terkenal di Yaman, manakala perkataan al Sajistani adalah mengambil sempena kepada kampung kelahirannya di Basrah.[39]

Beliau berasal dari keturunan yang mulia. Datuknya adalah salah seorang tentera yang shahid ketika bersama dengan Sayyiduna ʿAlī di peperangan Siffin.

Imam Abi Dāwūd hidup di kurun ke 3 hijrah di mana beliau dilahirkan pada tahun 202 hijrah di Sajistani Basrah.[40] Ini bererti beliau telah hidup dizaman kegemilangan dan kejatuhan kerajaan ʿAbbāsi.

---

38 Ihsān ʿAbbās, Op. cit. J. ii, h. 404.

39 Taqiyu al ddīn al Nadāwi al Mazāhiri, Abū Dāwūd, (Beirut: Dar al Qalm, 1980) h. 21

40 ʿAbd Hamid Yunus dkk, Op. cit. h. 238.

## Sifat Sifat Keistimewaan Beliau.

Para ulama mensifatkan beliau sebagai seorang yang mempunyai kelebihan dari segi ilmu, amanah, kuat ingatan dan mempunyai sifat kepimpinan.

## Menuntut Ilmu.

Dalam proses menuntut ilmu beliau telah mengembara ke Shām, Irāq, Miṣr, Hijāz, Khurāsān serta Baghdād. Beliau tiba di Baghdād ketika berumur 20 tahun, di mana akhirnya beliau menetap di situ.

Beliau telah meriwayatkan ḥadīth dari Muslīm Ibn Ibrahīm Sulaymān Ibn Harb, Abī ʿUmar al Haudi, Abā Walīd al Tiyasi, Mūsā Ibn Ismāʿīl al Tabudhki, Aba Muʿāmir al Maqʿadi, ʿAbd Allāh Ibn Maslamat al Qaʿni, Masdd, Shādh Ibn Fiyād, Yaḥyā Ibn Muʿīn, ʿAḥmād Ibn Hanbāl, Qutāybah Ibn Saʿīd, ʿAḥmad Ibn Yūnus ʿUthmān Ibn Abī Shaybah, Ibrahīm Ibn Mūsa al Farriʿ, ʿAmru Ibn Ibn ʿAun dan lain lain lagi di mana beliau berjaya menulis 500,000 ḥadīth Rasūlullāh (s. ʿa.w.) di mana kemudiannya beliau[41] memilih 4800 buah ḥadīth untuk ditulis di dalam Sunan Abī Dāwūd

---

[41] Mohammad al Sibāgh, Op. cit. h. 167.

Manakala mereka yang meriwayatkan hadith dari beliau ialah anaknya 'Abd Allah, Abu 'Abd Rahman al Nasai, 'Ahmad Ibn Muhammad Ibn Harun al Khalali, 'Ali Ibn Husyein Ibn 'Abd Mohammad Ibn Khalid al Duri, Isma'il Ibn Mohammad al Safar, 'Ahmad Ibn Salman al Najd dan lain lain.[4]

Hasil Karya Imam Abi Dawud.

Sebagaimana lazim para cerdik pandai menghasilkan berbagai bagai jenis buku, begitulah juga dengan Imam Abi Dawud. Selain dari Kitab Sunan Abi Dawud, beliau mengarang banyak kitab kitab lain, antaranya ialah kitab al Marasil, Musnad Malik, Fada'il al Ansar, al Akhbar al Khawarij, Nasakh Wa Mansukh, Kitab al Dhuhdh, Masa'il Imam Ahmad, al Doa', Dala'il al Nubuwat, Tafridh Fi Sunan, Ibtida' al Wahtu, Kitab al Ba'th Wa Nushur, Risalatuhu Fi Wasf kitab al Sunan dan lain lain lagi.

Kewafatan Imam Abi Dawud.

Setelah mencurahkan tenaganya untuk mengembangkan ilmu

---

4. Abu Bakr 'Ahmad Ibn 'Ali Ibn Khatib al Baghdadi, Op. cit.

ilmu Allāh, Imam Abī Dāwūd menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pertengahan bulan Shawal tahun 275 hijrah.[43] Semoga Allāh mencucuri rahmat ke atas beliau.

---

[43] Ibn 'Imād, 'Abd al Ḥayy Ibn 'Imād al Ḥanbalī, *Op. cit*, h. 167

## d. Riwayat Hidup Imam Tirmidhi.

### Nasab Dan Kelahiran.

Beliau ialah Abu 'Isa Muhammad Ibn 'Isa Ibn Surat Ibn al Duhak al Salmi al Dariri al Buyughi al Tirmidhi.[44]

Terdapat percanggahan tentang tarikh kelahiran beliau. Ada yang berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 200 hijrah[45] dan ada pula yang mengatakan beliau lahir pada tahun 209 H.[46] Begitu juga dengan tempat kelahirannya juga tidak dapat ditentukan dengan tepat, ada yang mengatakan beliau lahir di Tirmidh[47] dan ada yang mengatakan beliau lahir di Bugh.[48] Juga tidak dapat dipastikan bahawa Bugh merupakan tempat asal beliau atau tempat tinggal beliau sehingga kewafatannya. Alasan yang mengatakan beliau berasal dari Tirmidh adalah dari ucapan beliau sendiri bahawa datuknya berasal dari Marwaz dan kemudian berpindah ke Tirmidh.

---

44 Ihsan 'Abbas, Op. cit. J. iv h. 278.

45 Mohammad al Sibagh, Op. cit. h. [illegible]

46 Ibrahim Sauqi al Shahawi, Op. cit. h. [illegible].

47 Ibid.

48 Mohammad al Sibagh, Op. cit.

Walaubagaimanapun dari segi geography Bugh letaknya berhampiran dengan bandar Tirmidh ia itu sejauh 8 batu, jadi tidak hairanlah jika dinisbahkan kepada kedua duanya kerana kedua dua berhampiran.

Pembelajarannya.

Sebagaimana dua orang imam yang dibicarakan sebelum ini Imam Tirmidhi telah mengembara ke beberapa buah negeri untuk belajar ilmu Hadith, di mana beliau telah ke Khurasan, Iraq dan Hijaz. Di sana beliau telah menemui sheikh sheikh hadith seperti ʿAbd Allāh Ibn Muʿāwiyah al Jumahi, ʿAlī Ibn Hajār al Maruzi, Suwaid Ibn Nasr, Qutāybah Ibn Saʿīd al Thaqafi Abū Rajaʿ, Abu Musʿad, ʾAhmād Ibn Abī Bakr al Zāhiri, Mohammād Ibn ʿAbd Malīk Ibn Abi Shawārib, Ibrahīm Ibn ʿAbd Allāh Ibn Hatim, Ismaʿīl Ibn Musa al Fizāri, Imam Bukhārī Suffian Ibn Waqaʾ dan lain lain lagi.[49] [50]

Semasa berguru dengan Imam Bukhārī, beliau turut bersamanya berguru dan meriwayatkan hadith dari guru guru Imam Bukhārī, dan sebagai murid yang begitu menyanyangi gurunya,

---

49 Tirmidhī, Abī ʿIsā Mohāmmed Ibn ʿIsā, Muqaddimāt S. Tirmīdhi (Kahīrah: Mustafā al Babī al Jalabi Wa awladuhu, 1979) h. 52

50 Ibrahīm Samel al Shaāwi, Op. cit. h. 23.

beliau begitu bersedih di atas kematian Imam Bukhari di mana beliau telah menangis sehingga buta matanya.

Beliau memiliki sifat yang begitu penting dalam menuntut ilmu ia itu mempunyai daya ingatan yang kuat, kuat hafalan, salih dan taqwa di samping sifat amanah, thiqah dan ketetapan. Ini terbukti bilamana beliau lupa membawa catatan beliau ketika beliau bertemu dengan seorang sheikh hadith, lalu secara spontan beliau membaca hadith tersebut.

Sebagaimana yang disebutkan terdahulu bahawa Imam Tirmidhi banyak menerima hadith hadith dari para sheikh hadith dengan ini tidak hairanlah sekiranya para tabiin pula meriwayat hadith dari beliau pula. Antara mereka ialah Ahmad Ibn ʿAbd Allah Ibn Dawud al Maruzi, Hathim Ibn Qulayb al Shami Dawud Ibn Nasr Ibn Nasr Ibn Suhail al Bazdawi, Mohammed Ibn al Mundhir Ibn Saʿid al Harawi, Mahmud Ibn Numair dan lain lain.[51]

Hasil Karya Imam Tirmidhi.

Imam Tirmidhi telah meninggalkan banyak buku buku ilmiah

---

[51] Ibrahim Sauqi al Shahawi, Op. cit. h. 294.

kepada umat Islam selepasnya. Ini adalah kerana beliau telah menghabiskan masanya dengan mengkaji dan mencipta. Antara hasil karangan beliau ialah Kitab al Jāmi' Li Sunan, Syamā'il, al Asmā' Wa Kuni, Tawārikh, 'Illah, Dhuhd dan yang paling ter kemuka ialah Jami' al Tirmidhi di mana ia merupakan salah satu dari kitab sahih yang enam. Beliau mengarang kitab ini dan membentangkan di hadapan ulama Khurasan, Iraq dan Hijāz dan telah diterima oleh mereka. Keistemewaan kitab ini ialah ia ditambah dengan perbincangan ilmu Fekah dan mazhab mazhab serta membezakannya.[52]

## Kewafatan Imam Tirmidhi.

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, Imam Tirmidhi menjadi buta di akhir akhir hayatnya setelah menangis kerana kematian imam Bukhari. Setelah beberapa tahun selepas itu beliau meninggal dunia pada malam isnin 13 Rejab tahun 279 H.[53] di Tirmidh ketika berumur 70 tahun, ada yang mengatakan beliau meninggal pada tahun 303 H, ketika dalam pengembaraan[54]

---

[52] Abū Shuhbah Muhammad Ibn Muhammad, Op. cit. h. 241.

[53] Ibrahīm Sauqī al Shahwī, Op. cit. h. 254.

[54] Shamsu al ddīn Abi Khair Muhammād Ibn Muhammad Ibn al Jazari Ghayāt Wa Nihāyat Fi Tabaqāt Al Qirā', J. 1 (Misr: al Khaniji 1932) h. 61.

e. <u>Riwayat Hidup Imam Nasai</u>.

<u>Nasab Dan Kelahirannya</u>.

Namanya ialah Imam al Hafiz 'Abd Rahman 'Ahmad Ibn Shuyaib Ibn 'Ali Ibn Bahri Ibn Sinan Ibn Dinar al Nasai.[55]

Terdapat sedikit kekeliruan pada tarikh kelahirannya ia itu samada beliau lahir pada tahun 225 hijrah[56] ataupun pada 224 hijrah[57] di bandar Nasa di Khurasan. Nama tempat kelahiran nya ini kemudiannya diletakkan di hujung namanya.

<u>Pembelajarannya</u>.

Beliau telah mengembara kebeberapa buah negeri seperti Iraq, Misr, Hijaz, Sham dan al Jazirah[58] untuk mempelajari hadith dari sheikh sheikh dalam usia yang begitu muda, di mana di beritakan bahawa beliau mula berguru dengan Qutaybah ketika berusia 15 tahun dan beliau belajar dengannya selama 1 tahun 2

---

[55] Nasai, 'Abd Rahman 'Ahmad Ibn Shuyaib, <u>Muqadimat S. Nasai</u>, (Beirut: Sharikat al 'Amat, t.t.) h.

[56] Ibrahim Sauqi al Shawi, <u>Op. cit</u>. h. 293.

[57] Nasai 'Abd Rahman 'Ahmad Ibn Shuyaib, <u>Op. cit</u>.

[58] Ibn [illegible], al Qasatini, <u>Op. cit</u>. h. 198.

bulan.

Imam Nasāi telah berguru dengan banyak ulama hadīth seperti Ishāk Ibn Rahawiyah, Ishāk Ibn Habīb Ibn Shahīd, Sulaymān Ibn Ashath, Ishāk Ibn Shalin, Harīth Ibn Miskin, Ishāk Ibn Mansūr al Kawsij, Mahmūd Ibn Ghailān, Qutaybah Ibn Sa'īd, Ishāk Ibn Musa al 'Ansari, Ibrahīm Ibn Sa'īd al Jawhari Ibrahīm Ibn Ya'kūb, al Jauzajani dan lain lain lagi.[59] Ini menjadikan beliau seorang yang pakar dalam ilmu hadīth dan Fekah.

Sebagai seorang ulama beliau juga mempunyai murid murid yang ramai antaranya ialah Abī Qasim al Tibrāni, Abū 'Alī Husain Ibn 'Alī, Mohammād Ibn Ja'far Ibn Qalas, Abū Qasīm Ibn Abī 'Aqb, Abū Maimūn Ibn Rashīd, Abū Hasan Ibn Khadhlam, Abī Sa'īd al 'Arabi, Imam Abū Ja'far al Tahawi, Muhammad Ibn Harūn Ibn Sha'ib, Ibrahīm Ibn Muhammad Ibn Salih Ibn Sanan, Abū Bakr 'Ahmād Ibn Ishāk dan lain lain.[60]

<u>Sifat sifat Keistemewaan Imam Nasāi.</u>

Beliau adalah seorang yang sangat berhati hati dan

---

[59] Nasāi, 'Abd Rahmān 'Ahmād Ibn Shuyaib, <u>Op. cit.</u>

[60] <u>Ibid.</u>

waspada di dalam pekerjaannya terutama dalam menerima hadith-hadith Rasulullah (s. 'a.w.). Dikatakan bahawa syarat yang dikenakan terhadap para perawi hadith lebih ketat dari syarat yang dikenakan oleh imam Bukhari dan imam Nasai.

Beliau adalah seorang yang warak dan sentiasa beribadat siang dan malam. Beliau sentiasa sembahyang malam dan berpuasa seperti nabi Dawud ia itu berpuasa sehari dan berbuka sehari. Beliau juga menunaikan fardu haji setiap tahun kerana beliau mendapati bahawa beliau memperolehi pengajaran dan keinsafan darinya.

Untuk mengelakkan dirinya dari terikat dengan orang-orang yang berpengaruh, beliau sentiasa mengelakkan dirinya dari dari majlis orang orang yang berpengaruh kerana beliau merasa beliau tidak merasa betah bersama mereka.

Beliau juga seorang yang lembut, sentiasa berbincang secara terbuka dalam segala hal walaupun dengan murid muridnya walaubagaimanapun beliau adalah seorang yang tegas dalam menegakkan pendapatnya, tanpa mengira apa yang akan diterimanya sebagaimana yang berlaku dalam peristiwa Damsyik yang telah mengakibatkan kematiannya.

**Hasil hasil Penulisan Beliau.**

Imam Nasāi telah mengarang banyak buku yang memberi faedah kepada umat Islam selepasnya samada dibidang hadīth atau di bidang lain. Antara karangannya ialah Kitab As Sunan al Kubra, al Muntahi Min as Sunat, Khasa'is 'Alī, Fada'īl as Sahabat, al Manāsiq, al Asma' Wa Kunni, Ma'rifat al Ukhuwāh, al Du'afa Wa Matrūkun Fi Rijal al Hadīth dan lain lain.[61]

**Kewafatannya.**

Setelah mengembara kebeberapa buah negeri akhirnya beliau memilih Misr untuk dijadikan tempat menetapnya.[62]

Sudah menjadi lumrah manusia, apabila ada seorang yang mempunyai kelebihan maka timbullah perasaan hasad dengki terhadapnya. Begitulah yang terjadi kepada Imam Nasāi di Misr di mana kehadirannya di sana telah menimbulkan rasa iri hati dikalangan ulama di sana. Ini menyebabkan beliau keluar dari sana pada tahun 302 H. menuju ke Damsyik. Al Qatni berpendapat bahawa beliau keluar untuk menunaikan fardu haji.

---

[61] Ibn Qathfadh al Qasantīnī, Op. cit. h. 198..

[62] Ibid. h. 199

Damsyik merupakan kubu kuat Mu'awiyah Ibn Abi Suffian, oleh kerana Imam Nasai pernah menulis tentang keistemewaan 'Ali, maka penduduk di sana bertanya kepadanya tentang keistimewaan Mu'awiyah dengan harapan beliau akan menulis pula tentang keistemewaannya, lalu beliau menjawab:

> Tidakkah ia menerima segala kepala dengan kepala, sehingga ia mendapat kelebihan.[63]

Ada riwayat lain yang menyatakan bahawa beliau menjawab:

> Saya tidak mengetahui bahawa Mu'awiyah mempunyai kelebihan.[64]

Jawapannya itu menimbulkan kemarahan kepada mereka, lalu mereka terus menolaknya dan memukulnya serta menyeretnya keluar dari masjid.

Terdapat sedikit pertelingkahan tentang tempat kewafatan beliau, ada yang mengatakan selepas beliau diseret keluar dari masjid, beliau telah dibawa ke Ramlah di Palestine dan dikebumikan di Baitul Maqdis.[65] Ada yang mengatakan setelah

---

[63] Ibn Qathfadh al Qasantini, _Op. cit._ h. [illegible].

[64] _Ibid._

[65] Ihsan 'Abbas, _Op. cit._ J. i, h.77.

beliau diseret keluar dari masjid, beliau meminta agar beliau dibawa ke Makkāh, lalu permintaan beliau dipenuhi dan beliau meninggal di sana pada bulan ḍhā ban tahun 203 H. ketika berumur 99 tahun dan dikebumikan diantara Ṣafa dan Marwah.[66]

---

[66] Ibrahīm al Saukī al Shawī, Op. cit. h. 200.

## f. Riwayat Hidup Imam Ibn Mājah.

### Nasab Dan Kelahirannya.

Beliau ialah ʿAbd Allāh Muhammad Ibn Yazīd Ibn Mājah al Rabiʿi bil Lawai al Kazwaini.[67] Mājah adalah nama Farsi bagi ayahnya Yazīd,[68] manakala al Rabaʿi pila dinisbahkan kepada Rabiʿat ia itu nama bagi sejumlah qabilah yang tidak diketahui ke ada qabilah mana ia dinasabkan. Al Kazwaini pula dinisbah kepada Kazwain ia itu satu bandar yang masyhur di Iraq di mana lahir banyak ulama.[69]

Beliau dilahirkan pada tahun 209 hijrah di Kazwain Iraq[70]

### Pembelajarannya.

Imam Ibn Mājah seorang yang begitu berminat dengan pelbagai jenis ilmu. Untuk memenuhi minatnya itu beliau telah menjelajah ke beberapa negara seperti Iraq, Basrāh, Kufāh,

---

67 Ihsan ʿAbbās, Op. cit. J. iv, h. 277.

68 Ibrahīm al Saukī al Shahwi, Op. cit h. 249.

69 Ihsan ʿAbbās, Op. cit.

70 Ibn Qathfan al Qastantīnī, Op. cit. h. 135

Baghdad, Makkah, Sham, Misr dan al Rayi.[71] Di sana beliau telah berjumpa dan bermuzakarah dengan sheikh sheikh dan ulama ulama hadith sehingga beliau menjadi salah seorang dari imam imam hadith yang suci itu.

Diantara para sheikh dan ulama hadith yang ditemuinya ialah Abi Bakr Ibn Abi Ghaibah, para pengikut imam Malik dan imam al Laith Ibn Sa'id.[72]

## Penulisannya.

Imam Ibn Majah mempunyai karya penulisan yang amat banyak. Di sini memadai disebut kitab kitab yang mashur iaitu

a. Kitab Sunan Ibn Majah yang mengandungi 1500 bab dan 400,000 hadith.

b. Tafsir al Qur'an Karim.

c. Tarikh Qazwin , iaitu kitab sejarah yang memuatkan perkembangan sejarah selama 3 kurun iaitu dari masa sahabat hingga ke zamannya.

---

71 Ibn 'Imad 'Abd Hami Ibn 'Imad al Hanbali, Op. cit. J. ii, h. 164.

72 Ibrahim Sawqi Shawi, Op. cit h. 250

**Kewafatannya.**

Beliau meninggal dunia 8 hari sebelum tamatnya bulan ramadan ia itu pada tahun 273 H. pada hari Isnin dan dikebumikan pada hari selasa. Jenazah beliau dikafankan oleh saudaranya Abī Bakr, ʿAbd Allāh dan anaknya ʿAbd Allāh, kemudiannya disembahyangkan oleh saudaranya Abī Bakr.[73] Begitulah kisah kehidupan seorang tokoh ḥadīth, semoga Allāh mencucuri rahmat keatas roh beliau.

---

[73] Iḥsan ʿAbbās, Op. cit. J. iv, h. 277.

## 3. Riwayat hidup Imam Malīk.

### Nasab Dan Kelahirannya.

Beliau ialah Imam Abū ʿAbd Allāh Malīk Ibn Annās Ibn Malīk Ibn Abī Amīr Ibn ʿAmrū Ibn Harith Ibn Ghaimah.[74] Manakala nasab dari sebelah ibunya ialah ʿAliyat Bint Sharik Ibn ʿAbd Rahmān Ibn Sharik.[75] Datuknya yang bernama Malīk Ibn Amīr yang berasal dari Yaman dan kemudiannya[76] berpindah ke Hijaz dan bermustautin di Madinat di mana ternyata tindakannya ini telah membawa cahaya kepada keluarganya.

Imam Malīk berada di dalam kandungan ibunya selama tiga tahun, satu jangkamasa yang lama berbanding dengan bayi bayi lain. Terdapat percanggahan tentang tarikh kelahirannya, ada yang mengatakan beliau lahir pada tahun 73 H, ada yang mengata kan beliau lahir pada tahun 91 hijrah, ada yang berpendapat beliau lahir pada tahun 94 H. dan pendapat terakhir ialah

---

[74] Ihsan ʿAbbās, Op. cit. h. 135.

[75] Amīn al Khuuli, Malīk Ibn Annās, (Jumhuriyah; Dār al Kutub al Hadithat, t.t.) h. 24.

[76] Ibid. h. 27

beliau lahir pada tahun 93 H.[77]

Di masa beliau berumur 10 tahun, berlaku peperangan Badr antara umat Islam dengan kafir Quraysh di mana beliau turut serta ke medan peperangan tetapi tidak turut sama berjihad.

## Pembelajaran Beliau.

Sebagaimana ulama lain imam Malik telah memulakan pengajian sejak dari kanak kanak lagi di mana beliau telah memasuki sekolah al Qamah Ibn Abi al Qamah, di sana beliau mempelajari tata bahasa. Beliau juga mempelajari dan menghafaz al Qur'an dan 'Ulum al Qur'an dari Abi Ruyim, Nafi' Ibn 'Abd Rahman Ibn Abi Kaim.[78] Beliau juga mempelajari Mawarith.

Imam Malik mempunyai corak pembelajaran yang berbeza dari imam imam lain, di mana beliau memulakan pengajiannya dengan berjumpa dengan para sheikh dan berbincang tentang ilmu yang dikuasai oleh ulama tersebut. Manakala cara kedua ialah

---

77 Ihsan 'Abbas, Op. cit. h. 137.

78 Amin al Khauli, Op. cit. h. 42.

beliau membaca karangan seseorang ulama dan sekiranya terdapat sebarang kemuskilan beliau akan pergi berjumpa dengannya.

Imam Mālik berguru dengan banyak sheikh dalam usahanya mencari ilmu. Antara mereka ialah Rabi'ṭ al Ra'y Ibn Abi 'Abd Raḥmān. Beliau mempelajari ilmu fekah dan ḥadīth daripada Rabi'at dan meriwayatkan sebanyak 12 buah ḥadīth daripadanya, di dalam Muwaṭṭa'. Selain dari itu beliau juga berguru dengan Ibn Hirmidh Abū Bakr 'Abd Allāh Ibn Yazid. Terdapat pertelingkahan tentang lamanya masa beliau berguru dengan Ibn Hirmidh, ada yang mengatakan selama 13 tahun, yang lain pula berpendapat selama 15 tahun, manakala yang lain pula berkata selama 16 tahun. Beliau mempelajari Fekah, Ilmu Kalam dan hadith daripada Ibn Hirmidh di mana 54 buah ḥadīth telah di riwayatkan daripadanya.

Beliau juga berguru dengan Ibn Shihāb al Zuhri ia itu seorang ahli bahasa dan ulama ḥadīth, di mana Imam Mālik telah mempelajari cara cara penggunaan bahasa dan mengarang dengan baik. Sebanyak 210 buah ḥadīth telah diriwayatkan daripada beliau.

Nafi' Ibn Sarajis adalah juga salah seorang guru Imam Mālik di mana telah diambil sebanyak 80 buah ḥadīth daripada beliau. Beliau juga berguru dengan Muḥammad Ibn 'Ali Ibn

Husein Ibn 'Ali Ibn Abi Talib al Madani. Sebanyak 7 buah hadith riwayatnya dimuatkan di dalam kitab Muwatta'.

Beliau juga berguru dengan Mohammad Ibn Munkhadir Ibn Ibn Hudayr al Taymy al Qursh iaitu seorang ulama fekah di samping seorang ulama hadith. Beliau juga berguru dengan Abi 'Amar 'Urwat Ibn Adhinat dan 'Amarat Ibn 'Abd al La Ibn Abi Siyad Ibn Abi Talhah al Ansari.

Keilmuan Malik Ibn Anas.

Beliau adalah seorang yang mahir dalam ilmu hadith dan fekah sehingga dikenali sebagai Imam Ahli Sunnat. Beliau adalah salah seorang dari 4 orang imam yang masyhur dalam bidang fatwa yang sangat dikagumi oleh para ulama sehingga terdirinya mazhab Maliki yang berkembang keseluruh Afrika Utara.

Beliau mula mengajar sejak berumur 17 tahun di Madinat iaitu di masjid Nabawi sehingga beliau meninggal dunia. Umur beliau yang panjang itu membolehkan beliau hidup hingga ke zaman sahabat seperti zaman al Rasyidin, 'Umawi dan 'Abbasiyin di mana beliau telah menempuh berbagai dugaan bergantung kepada suasana pemerentahan pada masa itu. Beliau pernah disebat

dengan 70 cebatan apabila mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan kehendak khalifah seperti dalam masalah nikah Mut'ah. Walaubagaimanapun ada khalifah yang dapat dibimbingnya dengan baik dab saling menghormati antara satu sama lain seperti Khalifah Harun al Rasyīd, al Mahdi dan al Mansūr.

## Sifat Sifat Keistemewaannya.

Imam Mālik adalah seorang yang paling menghormati hadīth hadīth Nabawi, ini dapat dilihat apabila setiap kali ada tamu datang menemui beliau, beliau akan bertanya samada kedatangan itu bermaksud untuk mengemukakan masalah atau untuk belajar hadīth, sekiranya kedatangan itu untuk menanyakan sesuatu masalah beliau akan terus menerima tetamu itu dan menjawab segala permasalahan yang dikemukan. Tetapi sekiranya tetamu itu mengatakan kedatangannya itu untuk menanyakan sesuatu sesuatu hadīth, maka imam Mālik akan membersihkan dirinya terlebih dahulu, mengambil wudu' dan keluar dengan pakaian yang lengkap dan wangian serta mencari tempat duduk yang tinggi dan penuh tertib dan khusyuk beliau mengajar hadīth Nabī yang diminta itu dengan teratur dan terhormat.

## Hasil Karya Imam Mālik.

Khalifah al Mansūr telah meminta beliau mengarang buku

nya yang terkenal ia itu Muwatta' yang menghimpunkan hadith-hadith Nabi (s.'a.w.) disamping ayat-ayat al Qur'an yang mengandungi hukum-hukum Islam. Kitab ini kemudiannya diminta agar dijadikan undang-undang negara tetapi ditanlah oleh beliau kerana takut berlakunya pertelingkahan dengan apa yang sudah diamalkan oleh rakyat sebelumnya.

Selain dari al Mansur, Khalifah al Mahdi dan Khalifah al Rasyhid pernah mengajukan permintaan yang serupa, walaupun Khalifah Harun al Rasyid hanya meminta supaya Muwatta' di gantung di Ka'bah agar dapat dibaca oleh semua jemaah haji dan dapat diambil faedah darinya. Permintaan ini juga ditolak oleh beliau.[79]

Selain dari itu beliau juga menulis buku al Wa'idh.

<u>Kewafatan beliau.</u>

Imam Malik adalah seorang yang panjang umurnya. Dikatakan beliau adalah orang yang terakhir menemui Allah (s.w.t.)

---

[79] M. Zainal Abidin Ahmad, *Imam Bukhari Pemuncak Ilmu Hadith*, (Jakarta: Bulan Bintang, 197[illegible]) h. 59.

[80] di kalangan sahabat Rasulullāh (s.a.w.). Beliau telah jatuh sakit yang membawa kepada kematiannya.

Terdapat perselisihan tentang tahun kewafatannya, ada yang mengatakan bahawa beliau meninggal pada 14 Rabi'ul Awal tahun 176 H. di mana beliau telah hidup selama 84 tahun, tetapi ada yang mengatakan bahawa beliau selama 74 tahun dan ada juga yang berpendapat beliau meninggal pada tahun 178 H. di Madinat dan dikebumikan ~~di~~ Baqi [81].

---

[80] Abī Muhammad 'Abd Allāh Ibn Muslīm, al Ma'rifat Li Ibn Qutaybah, (Misr: Dār al Ma'arifah, 1969) h. 209.

[81] Ibn 'Umar Yusuf Ibn 'Abd al Bar, Al Intifa', (Beirut: Dār al Kutub al 'Ilmiyat, 1980) h. 44.

LAMPIRAN C

## HADITH-HADITH RIWAYAT HAFSAH (r.a.) YANG DITAKHRIJKAN

---

1

يقول : ليؤمن هذا البيت جيش (1) يغزونه حتى إذا كانوا ببيداء من الأرض ، يخسف بأوسطهم
وينادي أولهم آخرهم ثم يخسف بهم فلا يبقى إلا الشريد الذي يخبر عنهم .

2

أن النبي صلى الله عليه وسلم ، كان يجعل يمينه لطعامه وشرابه وثيابه ،
ويجعل شماله لما سوى ذلك .

3

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصوم   ثلاثة أيام من الشهر : الاثنين ، والخميس ، والاثنين
من الجمعة الأخرى

4

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان إذا أراد أن يرقد وضع يده اليمنى تحت خده ثم يقول : اللهم
قني عذابك يوم تبعث عبادك ، ثلاث مرار

5

أن النبي ﷺ كان يقبّل وهو صائم .

يا رسول الله ما شأن الناس حلوا ولم تحلل أنت قال: إني لبدت رأسي وقلدت هديي فلا أحل حتى أحل من الحج

أن رسول الله ﷺ كان إذا نودي لصلاة الصبح، ركع ركعتين خفيفتين، قبل أن يقوم إلى الصلاة.

8

«من لم يجمع الصيام قبل الفجر، فلا صيام له».

9

خمس من الدواب لا حرج على من قتلهن العقرب والغراب والحدأة والفأرة والكلب العقور

كان الرجل في حياة النبي ﷺ إذا رأى رؤيا قصها على النبي ﷺ فتمنيت أن أرى رؤيا أقصها على النبي ﷺ وكنت غلاما [٧] أعزب [٨] وكنت أنام في المسجد على عهد النبي ﷺ فرأيت في المنام كأن ملكين أخذاني فذهبا بي إلى النار فإذا هي مطوية كطي البئر، وإذا

لها قرنان كقرني البئر وإذا فيها ناس قد عرفتهم، فجعلت أقول: أعوذ بالله من النار، أعوذ بالله من النار، فلقيهما ملك آخر، فقال لي لن تراع، فقصصتها على حفصة، فقصتها حفصة على النبي ﷺ فقال نعم الرجل عبد الله، لو كان يصلي بالليل (٢) قال سالم فكان عبد الله لا ينام من الليل إلا قليلاً

١١

« على كل محتلم رواح الجمعة، وعلى كل من راح إلى الجمعة الغسل »

١٢

قال: لقي ابن عمر ابن صائد في بعض طرق المدينة فقال له قولاً أغضبه فانتفخ حتى ملأ السكة (٣). فدخل ابن عمر على حفصة وقد بلغها فقالت له: رحمك الله، ما أردت من ابن صائد أما علمت أن رسول الله ﷺ قال: إنما يخرج من غضبة يغضبها »

١٣

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَخَذَ مَضْجَعَهُ جَعَلَ كَفَّهُ اليُمْنَى تَحْتَ خَدِّهِ الأَيْمَنِ . وَكَانَ يَصُومُ الاِثْنَيْنِ وَالخَمِيسَ .

14 مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ صَلَّى فِي سُبْحَتِهِ قَاعِدًا. حَتَّى كَانَ قَبْلَ وَفَاتِهِ بِعَامٍ. فَكَانَ يُصَلِّي فِي سُبْحَتِهِ قَاعِدًا. وَكَانَ يَقْرَأُ بِالسُّورَةِ فَيُرَتِّلُهَا. حَتَّى تَكُونَ أَطْوَلَ مِنْ أَطْوَلَ مِنْهَا.

15 أَرْبَعٌ لَمْ يَكُنْ يَدَعُهُنَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صِيَامَ عَاشُورَاءَ وَالْعَشْرَ وَثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الْغَدَاةِ

16 لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ (أَوْ تُؤْمِنُ بِاللهِ وَرَسُولِهِ) أَنْ تُحِدَّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ، إِلَّا عَلَى زَوْجِهَا».

17 «إِنِّي لَأَرْجُو أَلَّا يَدْخُلَ النَّارَ أَحَدٌ، إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى، مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا وَالْحُدَيْبِيَةَ». قَالَتْ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ! أَلَيْسَ قَدْ قَالَ اللهُ: (١٩/٧١) وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا حَتْمًا مَقْضِيًّا. قَالَ «أَلَمْ تَسْمَعِيهِ يَقُولُ: (١٩/٧٢) ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ

١٨

أن مولاة لبني عدي يقال لها زبراء أخبرته أنها كانت تحت عبد وهي أمة يومئذ فعتقت قالت فأرسلت إلي حفصة زوج النبي ﷺ فدعتني فقالت إني مخبرتك خبرا ولا أحب أن تصنعي شيئا إن أمرك بيدك ما لم يمسسك زوجك فإن مسك فليس لك من الأمر شيء قالت فقلت هو الطلاق ثم الطلاق ثم الطلاق ففارقته ثلاثا.

١٩

كنت أكتب مصحفا لحفصة أم المؤمنين فقالت إذا بلغت هذه الآية فآذني حافظوا على الصلوات والصلاة الوسطى وقوموا لله قانتين فلما بلغتها آذنتها فأملت علي حافظوا على الصلوات والصلاة الوسطى وصلاة العصر وقوموا لله قانتين.

٢٠

أن حفصة زوج النبي ﷺ قتلت جارية لها سحرتها وقد كانت دبرتها فأمرت بها فقتلت.

LAMPIRAN D

## SUSUNAN HADITH HADITH RIWAYAT HAFSAH (r. a.)

## MENGIKUT DHAKA'IR AL MAWARITH.

﴿حفصة بنت عمر بن الخطاب أم المؤمنين﴾ عن النبي ﷺ

١٠٧٠٢ (حديث): «ليؤمن هذا البيت جيش يغزونه» وفي رواية «سيعوذ بهذا البيت قوم ليس لهم منعة» (م) في الفتن عن عمرو الناقد وابن أبي عمر وفي الحج عن الحسين بن عيسى (س) فيه عن محمد بن داود وعن الحسين بن عيسى

١٠٧٠٣ (حديث): «كان يجعل يمينه لطعامه وشرابه» (د) في الطهارة عن محمد ابن آدم [illegible]

١٠٧٠٤ (حديث): «كان يصوم ثلاثة أيام من الشهر» (د) في الصوم عن موسى ابن اسماعيل (س) فيه عن زكريا بن يحيى

١٠٧٠٥ (حديث): «كان إذا أراد أن يرقد وضع يده اليمنى» (د) في الأدب عن موسى بن اسماعيل

١٠٧٠٦ (حديث): «كان يقبل وهو صائم» (م) في الصوم عن يحيى بن يحيى وأبي بكر وأبي كريب (ه) فيه عن أبي بكر وعلي بن محمد

١٠٧٠٧ (حديث): «ما شأن الناس حلوا بعمرة ولم تحلل أنت من عمرتك» (خ) في الحج عن مسدد وعن عبد الله بن يوسف وعنه أيضا وفيه وفي اللباس عن اسماعيل وفي المغازي عن ابراهيم بن المنذر (م) في الحج عن يحيى بن يحيى وعن محمد بن المثنى وعن ابن أبي عمر (د) فيه عن القعنبي (س) فيه عن عبيد الله بن سعيد وعن محمد بن سلمة (ه) فيه عن أبي بكر (ط) فيه عن نافع

١٠٧٠٨ (حديث) . «كان إذا نودي بالصبح صلى ركعتين خفيفتين» (خ) في الصلاة عن عبدالله بن يوسف وعن سليمان بن حرب وعن مسدد (م) فيه عن يحيى ابن يحيى وعن أحمد بن عبدالله وعن محمد بن عباد (د) فيه عن الحسن بن علي (س) فيه عن أحمد بن عبدالله وعنه أيضا وعن قتيبة وعنه أيضا وعن محمد بن منصور وعن محمد ابن ابراهيم وعن شعيب بن شعيب وعن اسحاق بن منصور وعنه ايضا وعن هشام بن عمار وعن يحيى بن محمد وعن محمد بن عبدالله بن عبدالحكم وعن عبدالله بن اسحاق وعن محمد بن سلمة وعن اسماعيل بن مسعود وعن محمد بن عبدالله بن يزيد وعن اسحاق بن ابراهيم وعن الحسين بن عيسى (ه) فيه عن محمد بن رمح (ض) فيه عن نافع

١٠٧٠٩ (حديث) . «من لم يجمع الصيام قبل الفجر فلا صيام له» (د) في الصوم عن احمد بن صالح (ت) فيه عن اسحاق بن منصور (س) فيه عن عبدالملك ابن شعيب وعن محمد بن عبدالله بن عبدالحكم وعن احمد بن الازهر وعن القاسم بن زكريا وعن محمد بن عبد الاعلى وعن الربيع بن سليمان وعن زكريا ابن يحيى وعن محمد بن حاتم وعن اسحاق بن ابراهيم وعن احمد بن حرب (ه) فيه عن ابن بكر

١٠٧١٠ (حديث) : «خمس من الدواب لا جناح على من قتلهن» (خ) في الحج عن اصبغ (م) فيه عن حرملة بن يحيي (س) فيه عن عيسى بن ابراهيم

١٠٧١١ (حديث) : «في الرؤيا» (خ) في صلاة الليل وفي تعبير الرؤيا عن عبد الله بن محمد وفي مناقب ابن عمر عن اسحاق بن نصر وفيه وفي صلاة الليل عن يحيي بن سليمان وفي التعبير عن عبيدالله بن سعيد (م) في الفضائل عن اسحاق بن ابراهيم وعبد ابن حميد (ه) في الرؤيا عن ابراهيم بن المنذر

١٠٧١٢ (حديث) : «على كل محتلم رواح الجمعة» (د) في الطهارة عن يزيد بن خالد (س) فيه عن محمود بن غيلان

١٠٧١٣ (حديث) : «لقي ابن صياد في بعض طرق المدينة» (م) في الفتن عن عبد بن حميد وعن أبي موسى

١٠٧١٤ (حديث) . «كان إذا أخذ مضجعه جعل كفه اليمنى تحت خده الايمن وكان يصوم الاثنين والخميس» (س) عن القاسم بن زكريا

١٠٧١٥ (حديث) . «صلى سبحته قاعدا» (م) في الصلاة عن يحيى بن يحيى (ت) فيه

عن اسحاق بن موسى (س) به عن قتيبة (ط) به عن ابن شهاب الزهري

١٠٧١٦ {حديث} : « في صوم عاشوراء » (س) في الصوم عن أبي بكر بن أبي النضر

١٠٧١٧ {حديث} : « لا يحل لامرأة تؤمن بالله تحد على ميت فوق ثلاث » (م) في الطلاق عن يحيى بن يحيى وقتيبة ومحمد بن رمح (س) فيه عن محمد بن بشار (ه) فيه عن هناد بن السري (ط) فيه عن نافع

١٠٧١٨ {حديث} : « في فضل من شهد بدرا » (ه) في الزهد عن أبي بكر

١٠٧١٩ {حديث} : « ان مولاة لبني عدي وفيه إني مخبرتك خبرا » (ط) في الطلاق عن ابن شهاب الزهري

١٠٧٢٠ {حديث} : « كنت أكتب مصحفا لحفصة » (ط) في الصلاة عن زيد ابن سلم

١٠٧٢١ {حديث} : « ان حفصة قتلت جارية لها سحرتها » (ط) في العقول عن محمد بن عبد الرحمن

# TAMAT

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .